

24 SEP 2002

Parlimen-Bahas

RAKYAT MALAYSIA PERLU INSAF KERAKUSAN KUASA BESAR

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Sambil melahirkan harapan supaya seluruh rakyat khususnya pembangkang sama-sama berikhtiar supaya Malaysia terus selamat, seorang penyokong kerajaan hari ini berkata rakyat negara ini seharusnya insaf dengan senario politik dunia dan kerakusan kuasa besar yang cuba menguasai negara lain terutamanya yang mempunyai sumber asli.

Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) berkata Bajet 2003, yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat Jumaat lepas, membuat anjakan paradigma supaya ekonomi negara tidak terlalu bergantung kepada perdagangan antarabangsa atau pelaburan terus asing (FDI).

"Bajet ini, yang defisit keenam secara berturut-turut, bermatlamat membawa anjakan paradigma kepada pertumbuhan ekonomi negara dan meransang ekonomi yang dinamis," katanya semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2003 pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Katanya pembangkang perlu sedar bahawa dunia sedang diperkotak-katikan oleh kuasa besar dan jika rakyat negara ini terus bercakaran sesama sendiri, Malaysia akan mudah "diharubirukan" oleh kuasa besar.

Bajet 2003 dibentangkan dalam senario politik antarabangsa yang sedang gerhana, keselamatan sesetengah umat dunia diganggu gugat, maruah serta wibawa umat Islam sejagat sedang diperlekehkan, katanya.

Ruhanie, yang berucap panjang lebar mengenai senario politik dunia dan pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya yang kononnya untuk menghapuskan keganasan antarabangsa, berkata negara itu kini berjaya mendaulatkan hegemoni (kekuasaan sesebuah negara ke atas negara lain) politik, hegemoni tentera dan hegemoni ekonominya di Asia Tengah, Asia Barat dan sebahagian Asia Selatan.

Beliau berkata serangan Amerika ke atas Afghanistan sebenarnya bertujuan membolehkannya menguasai pengeluaran rizab minyak dan gas yang dimiliki negara-negara Islam.

Cadangan Amerika menyerang Iraq kononnya negara itu mengeluarkan senjata pemusnah yang mengorbankan jumlah yang besar seperti senjata nuklear, kimia dan biologi hanya alasan kerana sebenarnya Amerika bercita-cita menguasai minyak dan gas di bumi Iraq, yang merupakan pengeluar kedua terbesar di Asia Barat.

"Saya sedar Amerika merupakan satu rakan dagang Malaysia yang terbesar tetapi demi kelangsungan hidup bangsa Malaysia dan negara ini, kita perlu sentiasa berwaspada dan rasional dalam mencorakkan suasana politik tanah air kita," katanya.

Ruhanie percaya Bajet 2003 itu sebenarnya mengambil kira hakikat dasar Amerika mutakhir yang penuh dengan subversi, konspirasi, hipokrasi dan ciri-ciri hegemoni.

Berikutan senario politik dunia yang sedemikian, beliau berkata rakyat Malaysia termasuk ahli politik perlu berusaha mencari titik persamaan dan menggabungkan pemikiran mengenai soal kelangsungan hidup, kedaulatan serta kemerdekaan bangsa dan negara.

"Kita semua perlu berpolitik secara berhemah, beradat serta berbudi bahasa. Jangan kita terlalu terpengaruh dengan demokrasi yang dicipta oleh barat," katanya sambil menambah bahawa Amerika yang mendakwa sebagai jaguh demokrasi sebenarnya mempromosikan elemen demokrasi liberal yang mengadudomba sedangkan negara itu kini bertindak secara tidak demokratik.

Ruhanie meminta kerajaan dan perwakilan Malaysia yang menyertai

pelbagai forum supaya bertegas terhadap mempertahankan prinsip permuafakatan, keamanan, ketenteraman dan keadilan sejagat dan berusaha keras mempengaruhi negara sahabat untuk meminda Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi kepentingan negara kecil dan miskin.

Menyentuh mengenai undang-undang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), Ruhanie berkata Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Sumber Manusia mesti menjadikan undang-undang ICT sebagai satu cabang yang kritikal bagi menjayakan e-dagang di Malaysia.

Pendidikan undang-undang ICT mesti dijadikan sebagai satu cabang ilmu dan diajar di peringkat pengajian tinggi, katanya dan menambah bahawa kesedaran undang-undang ICT yang tinggi di kalangan pengguna juga amat perlu untuk menarik pelabur-pelabur ICT ke Malaysia.

"Contohnya artis-artis di Malaysia tidak perlu mengeluh panjang tentang cetak rompak, sekiranya mereka tahu secara terperinci mengenai undang-undang, masalah cetak rompak boleh dikurangkan," katanya yang mengambil masa hampir empat jam untuk berucap.

Sementara itu, Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) meminta kerajaan membentangkan laporan di Parlimen mengenai keganasan di Malaysia selaras dengan pendedahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa terdapat orang Islam berhasrat melakukan tindakan ganas dalam negara.

"Menteri Kewangan telah mendedahkan ada golongan orang Islam sanggup merancang dan bertindak ganas dan ini perlu dibentangkan di Parlimen," katanya.

Dr Mahathir ketika membentangkan Bajet 2003 pada Jumaat lepas berkata kerajaan dapat menyelamatkan negara daripada kejadian huru hara berkat pemerintahan mengikut undang-undang dengan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Dr Tan juga menggesa kerajaan menganjur Sidang Kemuncak Dunia mengenai keganasan yang bukan sahaja membabitkan penggunaan senjata tetapi juga keganasan daripada segi ekonomi.

Beliau turut meminta kerajaan menarik balik pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang menurutnya didorong oleh tekanan daripada parti pembangkang, PAS.

Persidangan disambung esok.

-- BERNAMA
RZS RZS LAT